



Isnin – 25 Januari 2021

Halaman : 14

Pelajar IPT terpaksa ulang-alik dari rumah ke kebun sawit untuk belajar online

Redah hutan 15km cari talian internet

Oleh FARAHWAHIDA AHMAD

SEGAMAT — Dua penuntut institusi pengajian tinggi yang menetap di Kampung Kemidak dan Kampung Selai, Bekok di sini terpaksa berulang-alik ke kampung bersebelahan untuk mendapatkan capaian internet sejak tahun lalu.

Mereka ialah Zharienne Ramli, 19, pelajar pradiploma jurusan pengurusan perniagaan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Segamat dan seorang penuntut Institut Perguruan Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang, Afiza Eliana Jali, 19.

Zharienne berkata, setiap hari dia berulang-alik dari rumahnya di Kampung Kemidak ke kebun sawit di Kampung Tamok untuk mengikuti kelas online kerana capaian internet di kediamannya lemah.

"Dalam seminggu, lima hari saya akan pergi ke kebun sawit untuk meneruskan sesi pembelajaran secara online. Hari Ahad hingga Khamis, waktu kelas saya bermula pukul 8 pagi hingga pukul 6 petang. Jadi saya akan keluar rumah seawal pukul 7.15 pagi.

"Malah, pada hari-hari tertentu, saya terpaksa pergi ke kebun sawit apabila ada pensyarah mengadakan kelas online pada waktu malam," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Zharienne dibawa ke kebun



ZHARIENNE mengikuti kelas online di sebuah pondok di kebun sawit Kampung Tamok di Segamat baru-baru ini.

sawit oleh ibu bapanya, Ramli Ju-lai, 46, dan Zurina Jita, 41, secara bergilir-gilir dengan menaiki motosikal dan menemaninya ketika belajar.

Mereka perlu meredah kawasan hutan yang sunyi dan mengambil masa kira-kira 20 minit sejauh kira-kira 15 kilometer (km) dari rumah.

"Saya juga tidak mempunyai komputer riba dan terpaksa meminjam daripada pak cik, tetapi jika dia mahu menggunakan komputer, saya bergantung sepenuhnya kepada telefon bimbit," ujar Zharienne.

Sementara itu, Afiza berkata, dia pula terpaksa berulang-alik lima hari seminggu ke rumah



ZHARIENNE membongkeng motosikal yang ditunggang ibunya.

sepupunya di Kampung Kudung di sini bagi mendapatkan capaian internet.

"Saya akan keluar dari rumah pukul 7.20 pagi dan pulang pukul 5 petang. Saya juga tumpang makan di rumah sepupu."

"Walaupun sepupu sendiri, tetapi saya tetap malu dan tidak selesa menumpang di rumah-

nya setiap hari, namun terpaksa kerana tidak mahu terlepas kelas online," ujarnya.

Penuntut semester dua jurusan Bahasa Melayu, Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan itu berkata, dia hanya berharap kemudahan capaian internet yang lebih baik disediakan di kampungnya.